

KAMPUSUOLS

Segalanya tentang **UOLS**

www.kampusuols.com @kampusuols kampusuols • BAHARU • SELASA 4 SEPTEMBER 2018

NOHAZAHALI LEGIO KOLEKSI NUR FATIN AJEERA

NOKIA

Nama: Nur Fatih Ajeera Mohd Isa
Umur: 24 tahun (20 Februari 1994)
Asal: Kulai, Johor
Adik-beradik: 2 orang (anak sulung)
Pendidikan:
 - Sekolah Kebangsaan Taman Kota Kulai 2 (SKTKK2), Kulai
 - Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Putra (SMKBP), Kulai
 - Kolej Matrikulasi Tangkak, Johor (1 tahun)
 - Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Biokimia, UKM (4 tahun)
Pencapaian:
 - Mewakil UKM dalam pertandingan ChemE-Car Peringkat Kebangsaan Ke-10 (2015)
 - Mendapat anugerah *Special Price Winner (Chemical)* bagi Tan Sri Ir. Hj. Yusoff Ibrahim Best Final Year Project Competition 2017 di bawah Dana Pendidikan The Institution of Engineers, Malaysia (IEM)



Nur Fatih menunjukkan anugerah yang diterima.

U saha dan kegigihan selama empat tahun melaui Bidang Kejuruteraan Biokimia dalam Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (dengan Kejuruteraan) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), ternyata membuahkan hasil membolehkan Nur Fatih Ajeera Mohd Isa, 24, apabila berjaya menamatkan pengajian dengan mengumpul CGPA 3.05/4.00 menonjol tesis tahun akhir sekaligus menganugerahkannya *Special*

Yusoff dan ibu, Anisah Ajeera memberikan kekuatan, ilham dan semangat buanya menghabiskan pengajian.

WAKIL UNIVERSITI

Sepanjang menuntut di UKM, Nur Fatih juga banyak melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti antaranya, anjuran Kulat Kejuruteraan Kimia dan Proses (ChemE-C), di bawah Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Proses (JKKP), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), UKM.

Salah satunya Pertandingan ChemE-car Peringkat Kebangsaan Kali Ke-10 (2015) anjuran IEM mewakili UKM bersama-sama tiga rakan lain dalam satu kumpulan ketika berada di tahun 2 pengajian.

"Para peserta dalam pasukan perlu mengubah saiz dan membina sebuah kereta bersaiz kotak kasut yang dikuasakan dengan proses kimia dengan bajet yang minima.

"Menariknya, pertandingan ini mengajar kami menyelesaikan masalah, berfikir secara kritikal dan mempelajari pelbagai benda baru secara saintifik," imbasnya.

"Saya berharap kejayaan yang diperolehi ini dapat menjadi motivasi kepada pelajar lain untuk terus berjaya," katanya yang kini berkerjaya sebagai jurutera pembangunan.

NUR FATIH AJEERA

Pengorbanan berbaloi menerusi tesis tahun akhir

Price Winner (Chemical) bagi Tan Sri Ir. Hj. Yusoff Ibrahim Best Final Year Project Competition 2017 di bawah Dana Pendidikan Institut Jurutera Malaysia atau Institution of Engineers Malaysia (IEM) pada majlis konvokesyen UKM baru-baru ini.

"Saya telah berjaya menjilid tesis bertajuk 'Proses Penulenan Asid Suksinik dari Medium Sintetik dan Campuran Kaldu Fermentasi melalui Kaedah Penghabluran', yang mana kajian ilmiah saya ini menyimpan banyak momen lantaran ia menuntut pengorbanan masa tidur, rehat dan belajar bagi menyiapkan uji kaji makmal terperinci dan mendalam sehingga perlu mengulang eksperimen berulang kali selagi tidak mendapat keputusan memuaskan," katanya yang banyak merujuk penyarah penyeliannya, Prof. Dr. Jamaliah Md. Jahim bagi projek ini.

Menurut Nur Fatih, semuanya bermula daripada minat selain kesungguhan mendalam terhadap subjek Kimia, Biologi dan Fizik sejak dari sekolah menengah lagi.

"Pada pendapat saya, Kejuruteraan Biokimia ini merangkumi banyak aspek, proses serta melibatkan pelbagai industri. Bidang ini luas cabangnya. Bagi saya, ia mampu menjanjikan banyak peluang pekerjaan," ujarnya sambil menambah, dorongan dan nasihat daripada bapa, Mohd Isa Mirah



Bersama keluarga selepas majlis konvokesyen.



Kereta malnan yang dihasilkan kumpulannya mengguna proses kimia (sel elektrokimia) semasa menyertai Pertandingan ChemE-car Peringkat Kebangsaan Kali Ke-10 (2015).

